

Fokus kerja bersih kesan banjir

80 sukarelawan Relasis dan Suksis UTHM serta misi bantuan banjir

BATU PAHAT - Bagi meneruskan usaha membantu mangsa banjir, pelajar Briged Rela Siswa Siswi (Relasis) bersama Kor Sukarelawan Siswa/Siswi (Suksis) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai Misi Bantuan Pasca Banjir.

Misi yang dijalankan di Pekan, Pahang, pada 16 hingga 18 Januari lalu itu, memfokuskan kerja pengasingan dan pengagihan barang bantuan serta pembersihan kawasan sekolah, masjid dan klinik di daerah itu yang rosak teruk.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, selain 80 anggota Relasis dan Suksis, misi berkenaan turut disertai anggota Rela daerah Pekan.

Menurutnya, ia melibat-

kan beberapa lokasi seperti Sekolah Kebangsaan (SK) Temai, Masjid Jamek Mukim Temai, Klinik Desa Kampung Temai Tengah dan beberapa kawasan lain.

"Selain kerja pembersihan, pasukan sukarelawan turut membantu mengasingan dan mengagihkan barang bantuan serta memberi khidmat nasihat juga sokongan moral kepada mangsa banjir bagi meringankan beban yang ditanggung," katanya.

Shafry berkata, misi bantuan pasca banjir yang melibatkan sukarelawan Relasis dan Suksis ini bukan sahaja dapat membantu mangsa banjir, malah telah merapatkan lagi hubungan antara sukarelawan lain.

Jelasnya, hubungan baik dengan pasukan sukarelawan

lain terutama anggota Rela daerah Pekan dan bantuan kemanusiaan seperti ini akan diteruskan sehingga keadaan pulih," katanya.

Guru Besar SK Temai, Mohd Imeran Ibrahim berkata, beliau pada awalnya mendapat arahan daripada Pengarah Kementerian Pelajaran Malaysia, supaya menunda jadual persekolahan kepada satu tarikh lain sehingga bangunan sekolah yang terjejas kembali pulih seperti sedia kala.

Namun, pihaknya amat berterima kasih kepada semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta syarikat swasta yang turun membantu sehingga sekolah tersebut mampu memulakan sesi persekolahan seperti biasa mengikut jadual ditetapkan.



Anggota sukarelawan Relasis dan Suksis UTHM yang terlibat misi bantuan banjir di Pahang.